D. *Baca maksud di bawah ini dengan telitinya. Kemudian nyatakan* **peribahasa** *yang sesuai bagi maksud tersebut.*

1 Biar bodoh sekalipun, kalau belajar nescaya akan pandai juga.

_____

2 Melakukan sesuatu perkara hanya apabila disuruh oleh orang lain.

_____

3 Perbalahan orang yang sekaum atau bersaudara tidak akan bercerai-berai.

_____

4 Sesuatu amalan yang sudah sebati dan tidak mudah dilupakan walaupun dunia semakin moden dan maju.

_____

E. *Baca dialog di bawah ini dengan telitinya. Kemudian nyatakan* **peribahasa** *yang sesuai dengan ayat tersebut.*


Redzuan: Azahari, adakah kamu ingin mengikut saya pergi memancing?
Azahari: Eh, bukankah peperiksaan hanya tinggal beberapa minggu sahaja lagi! Sepatutnya, kita harus mengulang kaji pelajaran.
Redzuan: Betul juga kata kamu. Kalau kita terus bertangguh, rugi pula kerana kata orang tua-tua, **(1)** _____.
Azahari: Saya sungguh bangga dengan sikap kamu yang positif ini. Sekiranya kita hendak berjaya dalam pelajaran kita perlulah belajar dan berusaha, bak kata peribahasa **(2)** _____.

F. *Lihat gambar di bawah ini dengan telitinya. Berdasarkan gambar tersebut, tulis* **simpulan bahasa** *yang sesuai.*



1 _____

_____



2 _____

_____

LIVEWORKSHEETS

Gulung tikar

Kalau tidak dipecah ruyung manakan dapat sagunya

Bertangguh itu pencuri masa

Tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas

Air dicincang tidak akan putus

Buah tangan

Seperti pahat dengan penukul

Belakang parang kalau diasah nescaya tajam

LIVEWORKSHEETS